

Pelaksanaan Sistem I-Sekat Dalam Proses Pengurusan dan Pembangunan



Sistem semakan berpusat I-Sekat merupakan satu sistem sekatan yang dilaksanakan ke atas individu atau syarikat yang mempunyai tunggakan Majlis seperti tunggakan Kompaun Majlis, Kompaun Tempat Letak Kereta, Cukai Taksiran, Sewaan, Bil Utiliti (Elektrik & Air) dan Kos Pembersihan Lot Kosong

Sistem I-Sekat ini menyekat pihak pelanggan iaitu individu atau syarikat dari berurusan dengan pihak Majlis sekiranya masih ada tunggakan yang belum dijelaskan. Antara jenis urusan yang terlibat adalah Permohonan / Pembaharuan Lesen Perniagaan, Industri, Gerai atau Penjaja, Permohonan Pelan, Tempahan, Pendaftaran Pemborong/ Pembekal, Permohonan Permit, Permohonan Sewaan dan Tuntutan Barang Rampasan / Sitaan.

Sistem semakan berpusat I-Sekat telah dilaksanakan bermula 1 Januari 2017, dimulai dengan semakan ke atas sistem kompaun, sistem cukai dan sistem sewaan untuk semua permohonan yang dikemukakan di kaunter-kaunter MBSA. Setiap Jabatan perlu membuat semakan aktiviti urusan I-Sekat bagi setiap permohonan di semua kaunter Jabatan, Kaunter Utama MBSA & Pejabat Cawangan perlu disertakan slip pengesahan sekatan urusan daripada sistem I-Sekat (SAIS) untuk kelulusan permohonan.

Pengurusan Papan Iklan Luaran di Petaling Jaya



Paparan iklan luaran merupakan medium penting bagi pihak syarikat memasarkan produk-produk keluaran mereka. Selain itu, ianya juga turut digunakan sebagai medium komunikasi oleh PBT dan agensi kerajaan dalam menyampaikan pesanan sosial dan program-program yang akan dijalankan. Tambahan pula pada masa ini, berlaku transformasi paparan visual daripada statik kepada digital.

Namun begitu, ianya perlu dikawal melalui penyediaan dasar dan garis panduan yang jelas, mesra industri dan komprehensif agar tidak menimbulkan kacau ganggu, menjejaskan aspek keselamatan, nilai estetika perbandaran dan pasaran. Ini termasuklah kawalan terhadap aspek bilangan, rekabentuk struktur, susunatur, keselamatan, kecahayaan dan sebagainya.

Melalui kawalan yang tersusun dan teratur, paparan iklan luaran mampu menyumbang hasil yang baik kepada PBT melalui sewaan tapak, fi kebenaran merancang, permit struktur binaan, visual dan perlesenan. Di Petaling Jaya, kutipan hasil paparan iklan luaran pada tahun 2022 adalah sebanyak RM18 juta.

Penilaian Potensi Hasil Baharu Melalui Pemakaian Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (RTSJ2035)



Pembentangan ini memperlihatkan strategi PBT dalam meningkatkan hasil baharu sebagai pendapatan tahunan PBT. Ianya turut memberi penekanan berkaitan pemakaian nisbah plot dalam RTSJ 2035 bermula pada tahun 2020 yang memberi impak kepada peningkatan hasil baharu MBSJ. Hasil baharu MBSJ terbahagi kepada dua kategori iaitu melalui sumbangan secara tunai dan sumbangan kemudahan secara fizikal. Hasil baharu bagi kategori sumbangan secara tunai adalah terdiri daripada Caj Pemajuan, Caruman Kemudahan Awam, *Infrastructure Service Fund (ISF)*, sumbangan Menaiktaraf dan Pembinaan Baru Jalanraya dan Persimpangan Bertingkat

MBSJ telah mengamalkan inisiatif menang-menang (*win-win situation*) bersama pihak pemaju bagi kategori sumbangan kemudahan secara fizikal iaitu dengan mensyaratkan penyediaan kemudahan-kemudahan untuk kepentingan awam. Inisiatif Kerjasama Pintar antara MBSJ dengan pihak pemaju ini telah menggalakkan persekitaran pembangunan yang sejahtera dan harmoni yang mana keperluan komuniti serta persekitaran memberi nilai tambah kepada aktiviti ekonomi setempat. Hasil baharu bagi kategori ini adalah seperti penyediaan dewan komuniti, Tadika, Masjid, Balai raya, Bilik darjah / Sekolah, Penyediaan kemudahan tanah kubur awam. Berdasarkan dua kategori berkenaan, ianya menunjukkan komitmen MBSJ dalam memberikan perkhidmatan pengurusan kewangan yang berintegriti dan mementingkan keharmonian awam secara keseluruhan.



Proses Request For Proposal Bagi Pembangunan Tanah Milik PBT - Pengalaman MBKT

Salah satu usaha yang boleh dirancang untuk menggalakkan pelaburan swasta ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi bandar adalah melalui pelaksanaan projek usahasama di atas tanah-tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pendekatan yang boleh dirancang adalah melalui proses Request For Proposal (RFP) kepada syarikat-syarikat yang berkualiti dan mempunyai reputasi yang baik. Oleh itu, terma rujukan pembangunan (TOR) perlu disediakan untuk dijadikan panduan kepada pihak syarikat untuk mengemukakan cadangan pemajuan bagi membolehkan pihak PBT membuat pertimbangan lanjut.

Kertas seminar akan menyentuh perihal pengalaman Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dalam menyediakan TOR selain berkongsi tentang tata kelola dalam menjalankan proses RFP, penilaian terhadap syarikat dan kertas cadangan serta penentuan business model yang terbaik.



Tabung Amanah Kubur – Sumber Penyediaan & Pengurusan Tanah Perkuburan PBT

Senario kekurangan tanah perkuburan di kawasan PBT menjadi permasalahan yang perlu di tangani secara menyeluruh selaras dengan kepesatan pembangunan di kawasan PBT. Perlaksanaan penubuhan Tabung Amanah Sumbangan Perkuburan di Majlis Bandaraya Seremban telah di kuatkuasakan mulai tahun 2012. Tujuan utama adalah untuk memastikan pihak pemaju memenuhi tanggungjawab sosial dalam menyediakan kemudahan tanah perkuburan selaras dengan pembangunan perumahan yang dikemukakan.

Penyediaan Akaun Tabung Amanah Sumbangan Perkuburan ini selaras dengan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, penubuhan dan arahan akaun amanah di bawah Seksyen 9. Kawalan dan penggunaan sumber kewangan di lakukan oleh Jawatankuasa Pentadbir Akaun Amanah yang dikawal oleh PBT. Sumbangan terkumpul, digunakan untuk membuat pembelian tanah perkuburan, pembinaan keperluan asas infrastruktur, kos pengurusan dan menyelenggara tanah perkuburan serta pelaburan di akaun simpanan tetap bagi mendapatkan faedah kewangan.



Perkongsi Pengalaman DBKL Menguruskan Projek Penswastaan

Penswastaan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah bermula dari tahun 1981 melalui Dasar Pensyarikatan Malaysia yang diperkenalkan oleh kerajaan untuk menggalakkan sektor Kerajaan dan sektor swasta dalam pelbagai bidang ekonomi, industri, pembangunan dan lain-lain bidang. Melalui Dasar Penswastaan yang diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1983 telah meningkatkan lagi penglibatan sektor swasta dalam pembangunan negara dengan objektif untuk mengurangkan perbelanjaan kewangan Kerajaan, meningkatkan kecekapan serta penghasilan kerja dan mempercepatkan pencapaian prestasi ekonomi negara.

Selaras dengan Dasar Penswastaan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, DBKL juga turut serta terlibat memainkan peranan untuk mengadakan usahasama strategik dalam usaha pembangunan di Kuala Lumpur. Hala tuju penswastaan di DBKL berubah selaras dengan keperluan dan dasar kerajaan. Di awal tahun 90an, DBKL banyak terlibat dalam pembangunan yang melibatkan perumahan untuk disewakan sebagai langkah membasmi setinggan di Kuala Lumpur. Pada tahun 2000 peranan penswastaan DBKL diteruskan dengan penyediaan pembangunan Rumah Mampu Milik dan kini diteruskan dengan penyediaan Kejiranan Madani.

Inisiatif E10 Melonjak Produktiviti Negeri Dan Hasil PBT



Pandemik COVID-19 di Malaysia memberi impak yang besar kepada kemerosotan ekonomi Malaysia. Situasi sebegini juga telah membawa kepada berlakunya kelembapan proses pembangunan dan pembinaan di Daerah Kulim yang seterusnya memberi kesan negatif kepada sektor ekonomi setempat.

Justeru itu, Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) cuba membantu dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan mengambil sikap proaktif dengan melakukan penambahbaikan melalui proses kerja sedia ada bagi membantu memudahkan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. **Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan** diberikan keutamaan sesuai dengan keperluan 'Ease of Doing Business' di Kulim. Di atas dasar inilah Inisiatif E10 diinovasikan.

E10 merupakan satu inisiatif bagi pengeluaran permit pembinaan secara pantas. Inisiatif ini diperkenalkan bagi membolehkan interaksi yang berkesan di antara pelabur dan Majlis Perbandaran Kulim untuk memudahkan kerja-kerja pembinaan dan akhirnya pengeluaran produk dapat dikeluarkan mengikut garisma yang telah ditetapkan tanpa kelewatan.

Ianya juga merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan di bawah **Program Pelaksanaan Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP)** dan **Kedah Produktif Kedah Digital**. Ianya dicetuskan bagi melonjakkan sektor **Pelaburan Langsung Asing (FDI)** dan **Pelaburan Langsung Domestik (DDI)** yang memberi penumpuan di peringkat awalnya kepada pembinaan industri di Kulim Hitech Park. Pelaksanaan inisiatif E10 ini telah memberikan impak yang positif bukan hanya kepada MPKulim malah juga kepada pelabur, komuniti setempat dalam penciptaan peluang pekerjaan, perkembangan rantaian ekonomi berkaitan dan juga pemeliharaan alam sekitar.

Pemeriksaan PBT Dan Masyarakat Melalui *Community Based Tourism*



Majlis Daerah Selama (MDS) merupakan penyelaras kegiatan ekopelancongan bagi daerah kecil SELAMA. Perak sejak tahun 2016 yang dijalankan secara "Community Based Tourism" bersama 44 Rakan Strategik Pelancongan MDS (RSP-MDS).

Sebagai impak, MDS telah berjaya :

- i) Menukar prestasi kewangan operasi Selama Inn dan MDS daripada defisit kepada surplus ;
- ii) Meningkatkan jumlah kedatangan pengunjung lebih 50 kali ganda ke SELAMA ;
- iii) Mengumpul hasil jualan pakej pelancongam hampir RM1.3 juta sejak tahun 2016 ; dan
- iv) Merancarkan sirkulasi ekonomi dan dinikmati faedahnya oleh penduduk kesan daripada peningkatan pengunjung ke SELAMA.

Kerjasama strategik ini telah diangkat sebagai projek inovasi yang telah berjaya diiktiraf di peringkat negeri dan kebangsaan serta telah mula menjalinkan kerjasama strategik antarabangsa.

Digitalisasi Pengurusan Pelesenan & Penguatkuasaan – MyPATIL



Asas konsep lesen atau permit adalah kebenaran untuk melakukan sesuatu aktiviti perniagaan secara sah. Peranan Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan, Majlis Perbandaran Manjung (MPM) adalah untuk mengawal aktiviti-aktiviti perniagaan ini bagi tujuan keharmonian masyarakat. Dalam masa yang sama, jabatan ini berfungsi sebagai pemangkin yang menggalakkan peningkatan tahap ekonomi dalam kalangan masyarakat di daerah Manjung.

Selaras dengan tujuan tersebut, Lesen Premis Digital myPATIL diperkenalkan bagi memudahkan perjalanan operasi dengan semakan 50% lebih efisien dan telus ke atas peniaga. Hal ini kerana semasa penguatkuasaan dilakukan oleh MPM, isyarat Lesen Premis Digital myPATIL yang diletakkan di premis-premis perniagaan dapat dibaca dengan jarak sejauh 100 meter yang membolehkan Penguatkuasa MPM melihat maklumat lesen premis terkini melalui telefon pintar ketika melaksanakan operasi dan rondaan. Pada masa yang sama, notis dan kompaun tred boleh dicetak dengan menggunakan pencetak mudah alih yang dibawa oleh Penguatkuasa MPM ketika operasi dan rondaan tersebut. Manakala salinan digital dihantar terus kepada pelesen melalui telefon pintar dan e-mel mereka.

Melalui myPATIL, laporan dan statistik dapat dijana dengan lebih tepat dan secara masa nyata (*real time*) daripada data-data lapangan. Misalnya di kawasan pemantauan di mana penguatkuasa bertugas, bilangan notis serta kompaun yang dikeluarkan terus dikemas kini ke dalam pangkalan data. Kaedah ini dapat menjimatkan kerja-kerja pascaoperasi dan rondaan yang sebelum ini perlu disediakan oleh Penguatkuasa MPM secara manual. Lesen Premis Digital myPATIL juga mempunyai papan pemuka dengan peta interaktif menggunakan teknologi analitis data raya yang membantu MPM mentafsir data dan membuat keputusan dengan lebih cepat dan tepat berkaitan dengan perancangan, pengurusan dan pemantauan lesen, sehingga kepada merancang pembangunan fizikal bagi meningkatkan ekonomi dan taraf hidup masyarakat setempat.